

BAB KEEMPAT

BAB EMPAT

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

Islam telah menentukan beberapa hak bagi kanak-kanak. Hak-hak ini adalah bertujuan untuk menjamin keselamatan diri, harta dan kehormatan bagi setiap kanak-kanak. Hal ini tidak boleh sama sekali diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga dan sesiapa sahaja yang bertanggungjawab ke atas kanak-kanak tersebut. Sekiranya berlaku pengabaian daripada ibu bapa atau penjaga, maka wujudlah apa yang dikatakan sebagai penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. Lebih dari itu Islam melarang membunuh anak kerana takutkan kepada kemiskinan dan kepapaan kerana setiap anak itu telah ditentukan rezekinya.¹ Oleh kerana itulah perlindungan dan penjagaan yang rapi wajib dilaksanakan oleh ibu bapa atau penjaganya.

Kegagalan dari aspek undang-undang dan kegagalan ibu bapa dalam memberikan hak-hak dan perlindungan kepada kanak-kanak boleh menyebabkan berlakunya penganiayaan secara langsung atau tidak langsung terhadap anak-anak. Untuk menjelaskan aspek-aspek penganiayaan yang berlaku perbincangan seterusnya akan memaparkan pemasalahan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak meliputi definisi penganiayaan, bentuk-bentuk, punca-punca dan kesannya terhadap kanak-kanak. Kajian ini dibuat berdasarkan kes-kes dan laporan dari HBKL dan SCAN jabatan Pediatrik Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

4.1 Definisi Penganiayaan

Secara am penganiayaan dimaksudkan kepada tindakan seseorang yang menggunakan hak atau kuasa secara sewenang-wenangnya; menyalahgunakan hak atau kuasa dan melakukan perbuatan salah dengan mengksari mangsanya.

Menurut Kamus Dewan (Edisi Baru), penganiaya bermaksud perbuatan yang menyakiti, menyeksa manusia atau binatang.²

Berbagai definisi telah dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi Barat yang terkenal seperti Kempe, Helfer, Stranss dan lain-lain mengenai penganiayaan³. Kempe dan Helfer mendefinisikan penganiayaan sebagai kanak-kanak yang menerima kelukaan (kecederaan) fizikal yang tidak disengajakan akibat dari tindakan marah dari kedua ibu bapa atau penjaga.⁴ Definisi yang dikemukakan ini tidak lengkap dan ianya hanya meliputi kepada penganiayaan terhadap fizikal semata-mata, sedangkan penganiayaan mempunyai maksud yang lebih luas lagi.

Ruth dan Henry menulis mengenai penganiayaan kanak-kanak ialah seorang kanak-kanak yang cedera tetapi sebab dan akibatnya adalah sukar untuk difahami⁵. Gelles pula mengatakan penganiayaan kanak-kanak merujuk kepada salah perlakuan tetapi sebenarnya ia lebih luas daripada itu, yang mana ianya meliputi tindakan-tindakan kekejaman kecederaan Ketidakcukupan dalam menyediakan makanan, kegagalan dalam mendidik dan penganiayaan seks adalah di antara fenomena penganiayaan yang termasuk di dalam beberapa definisi penganiayaan kanak-kanak.⁶

Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947, ada menyebutkan mengenai penganiayaan kanak-kanak yang meliputi⁷:

- i. kekerasan fizikal seperti yang zahir secara lebam - lebam, patah tulang dan lain-lain kecederaan tubuh.
- ii. mengabaikan, yang membayangkan kegagalan untuk memelihara kesihatan dan keselamatan kanak-kanak.
- iii. meninggalkan dan mendedahkan.
- iv. perkosaan.

Demikian juga dengan pengertian penganiayaan yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (468) memperuntukan:⁸

"Mana-mana orang yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak - kanak, yang menganiaya, mengabaikan, meninggalkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang akan menyebabkan mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiaya di abaikan, ditinggalkan atau didedahkan sedemikian , adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali."

Termasuk juga dalam erti penganiayaan bagi perbuatan ibu bapa yang menyuruh kanak-kanak mengemis, menjadi peminta sedekah dan membiarkan membiarkan kanak-kanak itu tinggal tanpa pengawasan dan penjagaan yang berpatutan.⁹

Selain daripada definisi di atas terdapat juga definisi penganiayaan yang telah diberikan oleh pakar perubatan tempatan seperti definisi yang diberikan oleh Dr. Mohd Sham Kassim, Ketua Jabatan Pediatrik Hospital Besar Kuala Lumpur, yang juga sebagai Pengerusi Petugas Mencegah Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak (SCAN);¹⁰

" ialah sebarang tindakan atau tinggalan yang membahayakan atau memudharatkan fizikal psikologi, emosi dan mengganggu perkembangan sosial sorang kanak-kanak."

Manakala definisi yang diberikan oleh Dr.Kasmini Kassim dalam " Majalah Keluarga" ialah suatu perbuatan penganiayaan yang membawa kepada kecederaan yang tidak nampak yang mana ianya meliputi perkara yang berkaitan dengan mental dan emosi.¹¹

Dr.Khadijah Shamsudin pula, mendefinisikan sebagai apa jua kekejaman fizikal, mental atau sosial yang menyebabkan kecederaan yang teruk dan boleh mengganggu pertumbuhan kanak-kanak . Ia dilakukan secara sengaja dengan tujuan menyeksa orang perseorangan ataupun kumpulan tertentu.¹²

Oleh itu berdasarkan definasi-definasi yang telah diberikan "penganiayaan" dapatlah dirumuskan bahawa penganiayaan kanak-kanak ini adalah meliputi deraan, serangan¹³ memperlakukan dengan kejam,¹⁴ pengabaian,¹⁵ meninggalkan atau mendedahkan¹⁶ kerana perbuatan tersebut boleh menyebabkan kecederaan terhadap fizikal dan menimbulkan tekanan mental dan emosi kanak-kanak.

4.2 Bentuk-Bentuk Penganiayaan

Pada masa ini, bentuk-bentuk penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak meliputi beberapa keadaan yang lebih luas seperti penganiayaan fizikal, penganiayaan emosi, penganiayaan seks dan penganiayaan dari segi pengabaian tanggungjawab bapa terhadap kanak-kanak.

4.2.1 Penganiayaan Fizikal

Penganiayaan fizikal merujuk kepada keganasan secara fizikal yang dilakukan terhadap kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga.¹⁷ Menurut Walters, penganiayaan fizikal itu ialah :¹⁸

"Physical abuse of a child is action taken by a parent or adult caretaker that results in physical or injury to the child or failure to act on a child's behalf in death of the child will result from continued or neglect."

Berdasarkan kenyataan di atas menunjukkan penganiayaan fizikal itu merupakan suatu tindakan dari ibu bapa atau penjaga dan ianya membawa kesan pada fizikal kanak-kanak atau kecederaan yang teruk pada kanak-kanak itu. Bahkan tindakan yang berulangkali boleh menyebabkan kematian kepada kanak-kanak itu.

Penganiayaan fizikal lebih ketara kerana ia sememangnya mempunyai bukti dan tanda-tanda diseksa dengan jelas. Ia boleh dikenal pasti jika seseorang kanak-kanak mempunyai simptom atau tanda-tanda yang menunjukkan bahawa terdapat penggunaan kekuatan yang berlebihan (excessive force) atau luka-luka yang disengajakan (deliberated traume) terhadap kanak-kanak itu.¹⁹

Mengikut Akta Perlindungan Kanak-kanak, penganiayaan fizikal boleh didefinisikan sebagai:²⁰

"Seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi fizikal jika ada kecederaan yang substansial dan boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh badan kanak-kanak itu akibat pengenaan kekerasan atau agen yang bukan tak sengaja kepada tubuh kanak-kanak itu yang didalil dengan, antara lain, laserasi, kontus, lelasan, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, dislokasi, seluah, pendarahan, pecahviskus, luka terbakar, melecur, hilang atau berubah kesedaraan atau fungsi fisiologi atau gugur rambut atau gigi."

Penganiayaan fizikal juga boleh dikenal pasti apabila anggota atau tubuh badan kanak-kanak menjadi lebam, kulit terkoyak bercalar-calar, terbakar dan melecuh, patah tulang, pendarahan, rosak bahagian otak dan sebagainya.

a. Tanda-tanda Terhadap Penganiayaan Fizikal

Keadaan-keadaan berikut adalah tanda-tanda yang boleh dikenalpasti hasil daripada penganiayaan fizikal terhadap kanak-kanak.²¹

- i. Tanda-tanda luka dan lebam di muka, bibir atau mulut, kesan calar-calar (sama ada baru atau lama), sebahagian besar perut, belakang, punggung dan peha bentuk-bentuk tompokan akibat daripada dicucuh dengan benda-benda yang panas seperti seterika dan api rokok.
 - ii. Terbakar atau melecur dicucuh dengan puntung rokok terutamanya diseluruh tapak kaki, tapak tangan, di belakang atau punggung atau di kemaluan, tanda-tanda melecur yang mendalam akibat dicucuh dengan benda-benda panas seperti besi dan sterika.
 - iii. Mengalami keretakan tengkorak, hidung atau struktur muka, keretakan di bahagian dalam atau luar anggota tubuh, bengkak atau kecederaan anggota, sebarang keretakan pada anggota kanak-kanak yang berumur di bawah dua tahun.
 - iv. Terkoyak atau luka pada kulit mulut, bibir, gusi atau telinga bahagian luar kemaluan, menggulupas pada bahagian belakang lengan, kaki atau badan.
- e. Kecederaan pada bahagian perut, terkoyak pada bahagian perut, luka yang dalam, muntah-muntah yang berterusan akibat teruk dipukul.

Antara gambar-gambar yang menunjukkan kesan atau tanda-tanda penganiayaan fizikal seperti dinyatakan di atas dapat dilihat dalam lampiran 10(a) , (b) dan (c).

Kanak-kanak yang didera secara fizikal juga didera dari aspek emosi dan ia didapati dalam keadaan terbiar. Kesihatan fizikal kanak-kanak ini juga tergugat kerana makan minum mereka selalu diabaikan sehingga timbul masalah *malnutrisi* yang memerlukan rawatan.

Walau bagaimanapun ada kanak-kanak yang didera secara fizikal tetapi aspek kesihatan fizikal mereka memuaskan. Biasanya Ibu bapa kandung, ibu bapa tiri, keluarga angkat, jiran dan penjaga yang diamanahkan oleh ibu bapa biasanya terlibat dalam kes ini.²² [Lihat lampiran 10 (c)].

Kanak-kanak yang didera didapati kurang keupayaan untuk mengembirakan dirinya dan banyak mempunyai masalah tingkah laku. Ada kanak-kanak yang kelihatan seperti pendiam, tetapi asyik leka memerhatikan keadaan alam sekitar terutamanya gerak-geri orang dewasa. Perasaan kurang harga diri merupakan salah satu ciri penting yang terdapat di kalangan kanak-kanak ini. Bagi kanak-kanak yang lebih kecil, perkembangan bahasa mereka di dapati jauh ketinggalan. Kanak-kanak ini kelihatan terlalu takut terhadap ibu bapa atau orang yang mendera mereka. Ada antara mereka yang menunjukkan tingkah laku "penjagaan terbalik" (reversed caring)" iaitu mengambil berat akan keperluan ibu bapa mereka seperti memberi minuman, makanan dan sebagainya apabila diperintah.²³

Melalui pemeriksaan lanjut pula mungkin dapat menunjukkan kecederaan dalam organ lain seperti pendarahan dalam otak yang boleh membawa maut . Ini adalah disebabkan kebanyakan kes yang dibawa ke klinik atau ke hospital dalam keadaan tenat atau sudah mati.

Daripada data SCAN HBKL (1985-1989), sebanyak 27 kes kanak-kanak yang telah mati disebabkan penganiayaan dan pengabaian seperti berikut:

- | | | |
|----|--|----|
| 1. | Penganiayaan fizikal (tembus perut hingga peritonitis) | 2 |
| 2. | Penganiayaan seksual | 1 |
| 3. | Malnutrisi berat (kekurangan pemakanan teruk) | 2 |
| 4. | Abnormaliti kongenital (kecacatan sejak lahir) | 3 |
| 5. | Aspirasi susu (tercekik susu) | 1 |
| 6. | Pendarahan otak teruk | 10 |

7.	Hati kena luka serius	2
8.	Dibuang ke dalam sungai	1
9.	Diberi ubat racun/(paraquet)	1
10.	Tidak dibedah siasat	2
11	Retak leher dan tulang cervical (tulang punggung)	1
12.	Pelbagai kecederaan	1

Jumlah 27

Berdasarkan kepada carta di atas adalah wajar persoalan penganiayaan kanak-kanak ini diambil berat dan tindakan yang tegas agar iaanya dapat memelihara kesejahteraan kanak-kanak.

Selain dari jenis-jenis penganiayaan yang telah diterangkan di atas, terdapat beberapa penganiayaan lain seperti luka di bahagian dalam tubuh yang tidak dapat dilihat kecuali dengan pemeriksaan yang rapi oleh pakar, luka pada bahagian kepala dan sebagainya.

Dengan ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa penganiayaan fizikal akan mudah dilihat dan dirawat bergantung kepada teruknya keadaan kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak tersebut. Walaupun ia dapat dirawat, namun dari segi emosi ia memberi tekanan yang mendalam yang perlu memakan masa yang agak lama untuk diubati oleh pakar-pakar berkenaan.

4.2.2 Penganiayaan Emosi

Penganiayaan dari segi emosi atau mental merupakan penganiayaan yang paling sukar dikesan. Ini adalah kerana ia melibatkan soal jiwa dan perasaan kanak-kanak itu sendiri. Hanya segelintir kes berkaitan penganiayaan ini yang dilaporkan. Mengikut Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991,²⁴ penganiayaan emosi ditakrifkan sebagai;

"Seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi emosi jika ada gangguan yang substansial atau boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, kecederaan mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, rangsangan atau perkembangan lambat.

Manakala mengikut Akta Kebajikan Kanak-kanak di Kanada, penganiayaan atau kecederaan emosi berlaku sekiranya:²⁵

1. Terdapat gangguan mental dan emosi di kalangan kanak-kanak di samping gangguan tingkah laku seperti kemurungan, perasaan cemas, suka mengasingkan diri, mudah sekali menjadi agresif atau lambat perkembangan diri.
2. Ada sebab munasabah untuk mempercayai bahawa penderaan emosi adalah disebabkan:
 - a. penolakan(rejection)
 - b. deprivasi kasih sayang atau rangsangan kognisi
 - c. didehdahkan kepada keganasan atau pertelingkahan sengit dalam rumah tangga
 - d. dikritik secara tidak bersesuaian, diugut dimaki hamun, dituduh dan mengharapkan lebih daripada kemampuan kanak-kanak.
 - e. keadaan mental atau emosi penjaga kanak-kanak, atau adanya ketagihan arak dan dadah di kalangan orang yang tinggal serumah dengan kanak-kanak itu.

Termasuk dalam pengertian penganiayaan emosi ialah penganiayaan mental iaitu menggunakan kata-kata kesat seperti memaki, memperbodoh-bodohkan atau memperkecilkan kanak-kanak sekiranya mereka melakukan kesalahan. Kata-kata begini akan menyebabkan kanak-kanak itu merasa rendah diri.²⁶

Penganiayaan emosi dilihat sebagai deprivasi emosi, satu kegagalan untuk memberi asuhan secara psikologikal seperti yang diperlukan untuk pertumbuhan dan perkembangan psikologi kanak-kanak itu. Pengabaian emosi menunjukkan penglibatan emosi yang kurang antara ibu bapa dengan anak-anak.

Biasanya kanak-kanak yang dianiaya secara mental, mereka akan selalu dikatakan yang mereka itu dibenci, hodoh, bodoh atau tidak dikehendaki. Mereka biasanya tidak dipanggil dengan nama mereka tetapi dengan panggilan "Hai Bodoh", "Hai Cacat" atau sebagainya.²⁷

Tanda-tanda seorang kanak-kanak itu mengalami penganiayaan emosi ialah seperti susah untuk tidur, perkembangan yang lambat, gagal dalam pelajaran, mempunyai tingkah laku yang agresif, tingkah laku yang ganjil dan tidak mampu untuk bermesra dan bermain-main dengan kawan-kawan dan sebagainya.²⁸

Jelasnya, penganiayaan emosi merupakan penganiayaan yang sukar dikesan kerana ia tidak kelihatan berbanding dengan penganiayaan fizikal. Kanak-kanak yang mengalami tekanan perasaan dan rasa rendah diri, yang mana ianya tidak dapat disembunyikan dalam hati mereka. Kanak-kanak yang terlibat biasanya akan mengambil tindakan tanpa memikirkan risikonya samada buruk atau baik. Mereka ini akan menyimpan rasa dendam, benci dan takut, yang mana perasaan ini akan menggugat kehidupan mereka di masa hadapan.

4.2.3. Penganiayaan seks

Terdapat berbagai cara penderaan seksual ke atas kanak-kanak ini dilakukan, contohnya mendedahkan bahagian sulit diri sendiri, memegang buah zakar atau vargina (kemaluan perempuan), melancap, seks melalui mulut, memasukkan jari, tangan, batang zakar ataupun lain-lain objek ke dalam

vagina atau anus (dubur). Lazimnya method yang digunakan dalam kegiatan seksual ini ialah melalui tipu helah, rasuah, ugutan, dan adakalanya melalui kekerasan untuk memaksa seseorang kanak-kanak mengambil bahagian dalam kegiatan tersebut²⁹

Penganiayaan seks³⁰ terhadap kanak-kanak telah berlaku sejak lama dahulu. Penganiayaan seks dan penyalahgunaan seks di kalangan kanak-kanak tidak meninggalkan kesan pada fizikal kanak-kanak melainkan jika digunakan kekerasan ke atas kanak-kanak tersebut.

Dalam masalah penganiayaan seks, faktor penyebabnya perlu dilihat dari sudut yang berlainan. Ini adalah kerana penganiayaan seks di kalangan kanak-kanak biasanya dilakukan oleh orang dewasa terutamanya lelaki yang mengenali kanak-kanak itu. Dalam banyak kajian luar negeri, dan data yang diperolehi dari dalam negeri, secara kasar 75% orang lelaki dewasa yang melakukan penganiayaan seks terhadap kanak-kanak adalah dari kalangan saudara mara kanak-kanak itu sendiri. Mereka yang dimaksudkan ini mungkin ayah, ayah tiri, datuk, bapa saudara, abang atau kekasih ibu ataupun jiran kepada kanak-kanak yang dianiaya atau didera seks itu.³¹ Lihat laporan kes penganiayaan seksual dan bilangan sumbang mahram dengan orang yang dikenali dalam lampiran 10 (d) dan (e)

Begitu juga penganiayaan seks yang melibatkan bapa yang tidak bertanggungjawab langsung seperti bapa sanggup merogol atau memperkosa anaknya sendiri atau ibu bapa yang memaksa kanak-kanak itu melacurkan diri untuk mendapatkan wang demi kepentingan diri mereka. Ibu bapa boleh dituduh mengabaikan tanggung jawab mereka sekiranya mereka dengan sengaja tidak memberi makanan, pakaian dan rawatan perubatan yang mencukupi dan gagal memberi perlindungan serta tempat tinggal yang sempurna terhadap anak-anak mereka itu.

Perangkaan (SCAN) menunjukkan 31 kes penderaan seks dilaporkan kepada Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL) pada tahun 1992. Satu daripada kes ini menyebabkan kematian yang disyaki kerana pengguguran haram atau septicaemia. Dua puluh daripada mangsa itu ialah Melayu dan 90% daripada mangsa kes yang dilaporkan itu ialah kanak-kanak perempuan. Jangka usia yang kerap dicabuli ialah lima hingga sembilan tahun. Bapa, adik-beradik, saudara rapat, bapa tiri dan kekasih ibu antara orang yang mencabuli anak-anak ini secara seks³²

Dalam keadaan ini, sebab-sebab berlakunya penganiayaan seks dalam keluarga di kalangan kanak-kanak perlu dilihat dari empat aspek prakeadaan. Aspek prakeadaan merujuk kepada tanda-tanda awal samada dari pihak penganiaya, mangsa dan sebagainya yang mendorong berlakunya penganiayaan seks. Umpamanya kes-kes merogol anak sendiri berlaku dengan rela hati setelah si ayah menunjukkan kasih sayang sehingga si anak yang tidak mengerti apa-apa menjadi mangsanya. Empat aspek prakeadaan itu ialah:³³

a. Prakeadaan I

Kedudukan perjalinan emosi dalam keluarga yang luar biasa adalah satu daripada prakeadaan yang boleh menyebabkan penganiayaan seks terhadap kanak-kanak. Maksud perjalinan emosi luar biasa itu ialah sekiranya perhubungan antara bapa atau bapa tiri dengan ibu kanak-kanak itu mengalami masalah hubungan seks di mana ibu tersebut tidak dapat memenuhi kehendak suaminya. Akibatnya suami tadi merasa tertekan akhirnya anak tiri atau anak sendiri menjadi mangsa.

b. Prakeadaan II

Dalam prakeadaan ini, lelaki dewasa yang terlibat dengan minuman arak, menagih dadah, mengalami gangguan psikiatri atau gangguan impuls, menghadapi masalah ketuaan, menghidap penyakit fizikal lain atau

mempunyai masalah keupayaan diri, sering kali melakukan penganiayaan seks terhadap kanak-kanak.

c. Prakeadaan III

Prakeadaan III pula, meninjau faktor yang mendorong perbuatan penganiayaan seks terhadap kanak-kanak oleh ahli keluarga lelaki mereka sendiri adalah disebabkan oleh beberapa masalah seperti berikut :

1. Ibu yang sering sakit atau sering tiada di rumah.
2. Ibu yang tidak rapat dengan kanak-kanak.
3. Ibu yang tidak melindungi kanak-kanak.
4. Ibu yang sering menganiaya secara kasar terhadap kanak-kanak.
5. Ibu yang tidak mahu ambil tahu tentang anak-anaknya.

Segalanya ini memberi peluang kepada ahli keluarga yang lain untuk lebih mendampingi anak sehingga menyebabkan anak sendiri mengambil alih tugas dan peranan ibu.

d. Prakeadaan IV

Ini meliputi faktor kanak-kanak itu sendiri yang tidak berupaya untuk melawan atau melindungi dirinya supaya penganiayaan seks tidak berlaku. Kanak-kanak yang kurang matang perkembangan emosinya atau menghadapi masalah terencat akal atau kecacatan fizikal, kurang pengetahuan tentang perkara seks, atau kanak-kanak itu sendiri merasa bertanggungjawab untuk memastikan ibu bapanya dapat duduk serumah bersama-sama sehingga sanggup diperkosa, merupakan faktor prakeadaan IV yang menjadi punca penganiayaan seks di kalangan kanak-kanak. Selain dari faktor-faktor ini, ada penyebab lain lagi iaitu masalah kekeluargaan, masalah seks yang dihadapi oleh ibu bapa yang sub-normal, ibu bapa yang tidak ada pekerjaan tetap dan yang menggunakan kekerasan semasa mendidik keluarganya.

Mengikut data SCAN (1985-1989), Faktor yang mengakibatkan berlakunya penganiayaan seks di kalangan kanak-kanak adalah seperti berikut:³⁴

NO.	MASALAH	BILANGAN	PERATUS
1	Masalah rumahtangga	3	3.85
2	Tiada orang dewasa lain di rumah	47	60.26
3	Ada penyakit psikiatri	1	1.28
4	Ibu berpenyakit fizikal	2	2.56
5	Pendera penagih dadah	3	3.85
6	Tidak mempunyai pekerjaan	9	11.54
7	Masalah seksual	4	5.13
8	Mempunyai kecerdasan otak yang rendah	1	1.28
9	Kanak-kanak yang terlibat terencat akal	1	1.28
10	Tidak diketahui	7	8.97
	Jumlah	78	

Lihat contoh-contoh kes penganiayaan seks di kalangan kanak-kanak dari fail Dr. Kasmini Kasim , " Kisah pilu mangsa " di lampiran 10 (f) dan (g) .

4.2.4 Penganiayaan Dari Segi Pengabaian Tanggungjawab Ibu bapa Terhadap Kanak-kanak

... ia merupakan salah satu dari aspek penganiayaan yang paling dasyat. Sebarang penganiayaan dari segi tanggungjawab akan membawa kepada kesan mental dan fizikal. Oleh itu adalah amat penting setiap ibu bapa atau penjaga bertanggungjawab kepada kanak-kanak baik dari segi kasih sayang, nafkah, pelajaran, perubatan dan sebagainya.

Tafsiran anak terbiar sebagaimana yang diperuntukan oleh Seksyen 3, Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 merangkumi mereka yang tidak mendapat layanan yang baik dan sepatutnya, tidak diberi perhatian yang sewajarnya atau tidak dijaga kesejahteraannya dengan sempurna. Perbuatan begini yang dilakukan oleh penjaga kanak-kanak dengan sengaja digolongkan

sebagai pengabaian. Manakala kanak-kanak yang dibuang di tempat awam termasuk dalam kumpulan terdampar.

Pengabaian tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak meliputi segala keperluan jasmani, emosi, rawatan, pendidikan atau kanak-kanak yang dipaksa bekerja.³⁵

Mengikut Meriam Webster tanggungjawab dapat didefinisikan sebagai berikut:³⁶

1. Satu kewajipan yang dituntut ke atas seseorang supaya melaksanakan tugas kepada orang lain untuk mengembalikan kepada keadaan asal akibat dari satu kelakuan atau perbuatannya.
2. Tanggungjawab ialah menjalankan dan melaksanakan suatu perbuatan
3. Melakukan bagi satu faedah atau bagi perlanggaran yang mana undang-undang telah memberi remedi-remedi seperti kerosakan dan kecederaan.

Menurut Kamus Dewan Bahasa pula mendefinisi tanggungjawab ialah akibat dari perbuatan yang mesti dipertanggungkan ataupun kewajipan yang dipikul oleh seseorang dan segala yang wajib ditanggung.³⁷

Islam pula menetapkan bahawa tanggungjawab terhadap anak-anak itu adalah sebagai satu amanah ke atas ibu bapa atau penjaga. Sebagai amanah sewajarnya ia di jaga, dipelihara, diasuh, dididik, dibimbing dan disempurnakan segala keperluan fizikal, mental dan emosinya. Malah bagi ibu bapa muslim, tanggungjawabnya lebih jauh daripada itu, iaitu bertanggungjawab terhadap pembentukan akidah dan keimanan anak-anak. Pengabaian terhadap hak anak-anak ini adalah satu pengkhianatan terhadap amanah Allah yang telah ditaklifkan ke atas ibu bapa atau penjaga.

Keengganan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah s.w.t akan menyebabkan seseorang itu akan mendapat balasan samada di dunia maupun di akhirat. Sebagaimana firman Allah s.w.t:³⁸

﴿كُلُّ أَمْرٍ يُعَلَّمُ بِنَاسَبَ رَهِيْنَ﴾

Maksudnya:

"Setiap manusia terikat dengan apa yang dikerjakannya."

Terdapat beberapa tanggungjawab yang sering diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga. Di antaranya ialah seperti berikut:-

a. **Tidak memberi nafkah secukupnya**

Apa yang dimaksudkan dengan nafkah di sini ialah segala keperluan yang sewajibnya disempurnakan oleh penjaga dan ibu bapa seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, perubatan dan sebagaimana yang telah diwajibkan oleh Allah ke atas bapa untuk menyedia dan memberi nafkah kepada anak-anak mengikut kemampuan yang ada pada mereka.³⁹

Namun begitu dalam kehidupan masyarakat Islam hari ini terdapat juga ibu bapa yang mengabaikan kewajipan mereka terhadap anak-anak dengan memaksa mereka bekerja diluar batasan umur dan kemampuan anak-anak. Disini lahir apa yang di namakan buruh kanak-kanak (child Labour) yang mana ia merupakan salah satu daripada penganiayaan terhadap kanak-kanak.

b. Menjadikan Kanak-kanak sebagai buruh (Child Labour)

Sebagaimana dimaklumkan bahawa kewujudan buruh kanak-kanak dalam negara membangun adalah merupakan satu fenomena sosio-ekonomi yang biasa. Ramai kanak-kanak yang sepatutnya menghabiskan masa untuk belajar di sekolah, sebaliknya mereka terpaksa bekerja untuk mendapat beberapa sen sehari. Jika keadaan ini terus berlaku tanpa mendapat perhatian yang sewajarnya dari berbagai pihak sudah tentulah kanak-kanak ini akan terus menjadi buruh paksaan dan kehidupan mereka di masa hadapan dengan sendiri akan musnah.⁴⁰

Kesalahan ini sukar dikesan kerana selalunya kanak-kanak yang melakukan pekerjaan yang tidak sepatutnya dilakukan itu bersetuju dan rela melakukan pekerjaan itu dan tidak kurang pula yang tidak mengetahui haknya sebagai seorang pekerja kanak-kanak. Kerelaan melakukan pekerjaan yang tidak sepatutnya dilakukan mungkin disebabkan dari tekanan hidup untuk mencari wang.⁴¹

Di Malaysia lebih 43,000 kanak-kanak berumur di antara 10 dan 14 tahun telah bekerja untuk menambahkan pendapatan keluarga. Daripada jumlah ini 10,214 orang telah bekerja di ladang-ladang getah dan selebihnya 11,609 orang terikat dengan bidang pertanian yang lain.⁴²

Jelas, keinginan dan keperluan untuk menambahkan pendapatan keluarga ditambah dengan kebodohan dan keadaan buta huruf, ibu bapa mereka serta peluang yang terdapat di ladang-ladang, menyebabkan kebanyakan kanak-kanak meninggalkan alam persekolahan setelah beberapa tahun untuk bekerja di bidang ini.

Islam menggalakkan ibu bapa untuk menyuruh anak-anak mereka berkerja bagi tujuan melatih dan membimbing mereka untuk mencari pengalaman hidup tetapi mestilah pekerjaan itu tidak menjelaskan hak kanak-kanak tersebut, sesuai dengan umur dan kemampuannya.

c. Mengabaikan pelajaran kanak-kanak

Pelajaran merupakan suatu yang penting dalam kehidupan hari ini demi untuk menjamin kehidupan di masa akan datang. Oleh kerana pentingnya pelajaran kepada setiap individu, maka ia memerlukan perbelanjaan untuk membeli buku-buku pelajaran, alatan menulis dan sebagainya. Oleh itu adalah sewajarnya bagi setiap ibu bapa berusaha memberi pelajaran yang sempurna dari segi duniawi dan ukhrawi kepada anak-anak supaya mereka dapat menempuh segala cabaran yang bakal dihadapi dengan sebaiknya.

Pengabaian di dalam pelajaran ini bukan sahaja disebabkan ibu bapa tidak mengantar anak-anak ke sekolah, tetapi juga meliputi soal mengambil berat hal pelajaran anak-anak, penyediaan alat-alat kelengkapan masalah ponteng sekolah dan sebagainya yang bersangkut paut dengan soal pelajaran.

Pengabaian tanggungjawab ibu bapa di dalam masalah ini akan menyebabkan berlaku beberapa masalah sosial seperti masalah ponteng sekolah, penagihan dadah, terlibat dengan kes jenayah seperti merompak, mencuri, merogol dan sebagainya. Begitu juga gejala keruntuhan akhlak dikalangan pelajar yang telah menjadi wabak yang parah seperti kegiatan seks bebas yang diistilahkan dengan "bohsia dan bohjan", lesbian, gay, pelacuran dan sebagainya.

Mengikut laporan Kebajikan Masyarakat dalam tahun 1984 terdapat 85 pelajar dan di dalam tahun 1985 pula terdapat 90 pelajar yang ditangkap kerana ponteng. Ini tidak termasuk bilangan pelajar yang tidak dapat ditangkap kerana ponteng.⁴³

Keadaan ini sudah tentu akan memburukkan lagi keadaan yang sedia ada, di mana kemungkinan mereka yang ponteng akan bergaul dengan kumpulan jahat dan akhirnya akan membawa kepada masalah penagihan yang teruk. Menurut Dr. Kasmini Kassim, terdapat 2% kanak-kanak di antara umur

10 hingga 13 tahun terlibat dengan najis dadah dalam tahun 1986 dan 14% pula dalam lingkungan umur 14 hingga 17 tahun.⁴⁴

Oleh itu, betapa perlunya bagi setiap ibu bapa bertanggungjawab di dalam pelajaran kanak-kanak terutamanya dalam pendidikan agama. Ibu bapa tidak sewajarnya mengharapkan kejayaan yang cemerlang dari kanak-kanak kerana tidak semua kanak-kanak berupaya mencapai matlamat dan kehendak ibu bapa dan kehendak sendiri. Pengabaian ibu bapa di dalam hal ini berkemungkinan besar akan mengecewakan kehidupan mereka di masa hadapan, lebih-lebih lagi di dalam dunia yang penuh mencabar ini. Keterlanjuran yang berlaku dalam period ini akan sukar dipulihkan. Oleh itu amat perlu bagi ibu bapa menekankan kepada anak mereka pelajaran agama yang mendalam di samping ilmu-ilmu duniawi yang lain.

d. **Mengabaikan kasih sayang**

Kasih sayang dan belaian dari ibu bapa di peringkat awal kanak-kanak terutamanya di dalam membentuk jiwa dan perasaan kanak-kanak untuk perkembangan dan pembesaran nya agar menjadi seorang yang baik dan berguna kepada ibu bapa, masyarakat dan negara adalah amat penting.⁴⁵

Kegagalan ibu bapa di dalam memberi kasih sayang di peringkat bayi lagi akan menjauhkan tali kasih sayang antara anak-anak dan ibu bapa.⁴⁶

Masalahnya kini ramai ibu bapa yang keluar bekerja dan menyerahkan segala kerja rumah termasuk mengasuh anak-anak kepada pembantu rumah, mertua, saudara-mara, ibu sendiri dan sebagainya. Keadaan inilah yang menyebabkan hilangnya rasa hormat anak-anak kepada ibu bapa.

Tidak adanya kasih sayang akan menyebabkan kanak-kanak menjadi liar, tidak menghormati ibu bapa dan mereka akan sanggup melakukan perkara yang ditegah oleh agama seperti terlibat dengan penagihan dadah dengan

tujuan untuk melepaskan diri dari belenggu masalah. Keadaan demikian akan menjadikan kanak-kanak tadi membesar sebagai sampah masyarakat.

Berdasarkan penjelasan di atas ibu bapa bertanggungjawab terhadap anak mereka baik dari segi nafkah, pelajaran, kasih sayang dan sebagainya. Perlunya ibu bapa memberi mereka makanan yang secukupnya dan berpatutan. Makanan yang sesuai adalah penting untuk perkembangan badan dan otak kanak-kanak supaya mereka dapat membesar dengan lebih sempurna. Ibu bapa juga perlu memastikan supaya kanak-kanak tidak membiarkan faktor persekitaran mempengaruhi jiwanya. Salah satu caranya ialah mewujudkan ketenteraman di rumah.

4.3 Punca Berlakunya Penganiayaan Kanak-kanak

Dalam membicarakan tentang sebab-sebab penganiayaan kanak-kanak, iaanya harus dilihat daripada berbagai-bagai faktor antaranya:

4.3.1 Faktor Anak

Adalah satu kesilapan bagi sesiapa yang mempercayai bahawa semua kanak-kanak adalah serupa sewaktu dilahirkan. Kanak-kanak mempunyai berbagai-bagai bentuk keperibadian atau syakhsiyah sejak mereka lahir lagi. Ada kanak-kanak yang berperangai baik mudah dididik dan diasuh, manakala ada pula yang lasak, sukar untuk diasuh dan sering resah. Walaupun kanak-kanak itu datang dari rumpun yang sama, mereka tidak semestinya mempunyai sifat dan perangai yang serupa. Ini ada kaitan dengan perubahan keadaan sekeliling kanak-kanak. Perubahan fisiologi dan psikologi dalam diri mereka telah mengubah anak-anak itu, malah ada yang berpendapat bahawa anak-anak ini banyak mendatangkan masalah.⁴⁷

Setengah ibu bapa kurang kemahiran untuk mengawal anak-anak yang terlalu nakal dan terlalu aktif. Kanak-kanak tersebut akan mendatangkan kesukaran kepada ibu bapa terutamanya kepada ibu bapa yang muda untuk mendidiknya. Hal sedemikian menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap kanak-kanak. Ibu bapa yang kurang sabar akan memukul kanak-kanak tersebut dengan teruk sehingga seolah-olah hilang pertimbangan diri, dengan tujuan untuk mendisiplinkan kanak-kanak tersebut.

Faktor lain yang boleh memburukkan keadaan ialah pandangan ibu bapa terhadap anak mereka. Ada ibu bapa yang menganggap anak mereka tidak normal atau berlainan daripada anak-anak mereka yang lain. Ini mungkin disebabkan sewaktu anak itu dalam kandungan lagi ataupun masalah yang timbul sewaktu anak itu dilahirkan sehingga anak itu dipersalahkan. Kepercayaan kepada perkara karut atau kepercayaan yang ada dalam budaya sesuatu kumpulan boleh menyebabkan ibu bapa menganggap kan anak yang telah dilahirkan itu seolah-olah membawa sial atau bala, lebih-lebih lagi sekiranya suatu perkara buruk benar-benar berlaku dan menimpa mereka apabila anak itu dilahirkan, atau sekiranya anak itu dilahirkan dalam waktu dan hari yang dianggap tidak baik. Kanak-kanak yang cacat biasanya berkelakuan lebih nakal daripada kanak-kanak yang biasa dan kerana kenakalan mereka itu, ibu bapa lebih rela menghukum kanak-kanak tersebut dengan hukuman yang teruk, dengan alasan mereka akan takut dan tidak akan mengulangi perbuatan yang sama. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika ada ibu bapa yang sanggup merantai dan mengurung anak mereka kerana tidak ada cara lain lagi untuk mengawal kenakalan dan keganasan anak mereka.⁴⁸

Kanak-kanak yang berumur kurang dari tiga tahun biasanya adalah lebih susah untuk dijaga dan memerlukan perhatian yang banyak. Bagi ibu bapa yang tidak memahami peranan mereka, pengalaman menjaga anak kecil adalah satu perkara yang rumit.⁴⁹

Ibu bapa yang tidak dapat mengawal perasaan ketika melayan kerena kanak-kanak tersebut, sudah tentu dengan mudah akan memukul kanak-kanak tanpa belas kasihan. Jelaslah bahawa faktor kanak-kanak merupakan salah satu sebab berlakunya penganiayaan.

4.3.2 Latar Belakang Ibu bapa Yang Pernah Teraniaya

Tidak ada ibu bapa yang sanggup mencederakan anak-anak yang telah dianugerahkan oleh Allah. Kanak-kanak diibaratkan sebagai sehelai kain putih yang suci bersih daripada kekotoran yang boleh menukar warna dan corak kain. Terpulanglah kepada kehendak kedua ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka dengan cara mereka sendiri. Tetapi pengalaman silam kadang kalanya menjadikan ibu bapa itu manusia yang paling ganas.

Kebanyakan ibu bapa yang teraniaya dan terabai, tidak dapat membesarkan anak-anak dengan didikan yang sesuai. Ini adalah disebabkan oleh pengalaman mereka semasa kanak-kanak. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kita mempelajari tatacara bagaimana untuk menjadi ibu bapa melalui pengalaman kita sebagai anak kepada ibu bapa kita sendiri. Berdasarkan tinjauan dan penilaian yang dibuat terhadap ibu bapa yang pernah didera sewaktu mereka kanak-kanak lagi dengan berbagai pengalaman negatif seperti hidup dalam keadaan yatim-piatu sejak kecil, ibu bapa yang ketagihan arak atau dadah disamping kurangnya sokongan emosi yang sihat. Pengalaman yang negatif semasa kanak-kanak ini akan menyebabkan mereka berada di dalam keadaan yang sukar untuk mendidik anak-anak mereka dengan baik.⁵⁰

Sebagai contoh ialah mengenai satu kes yang pernah dikendalikan oleh Encik A.Bakar bin Wahid, berkenaan seorang ibu yang mencederakan tubuh anaknya yang baru berumur 2 tahun:⁵¹

"Si ibu telah menunjukkan kepada anaknya tempat-tempat yang sepatutnya ia membuang air kecil tetapi anaknya membuang air kecil di merata-rata mengikut kesempatannya. Setelah beberapa kali dibuat demikian,

anak itu masih serupa keadaannya, membuang air kecil merata- rata tempat. Jadi si ibu tersebut telah hilang sabar, lalu memukul anaknya itu bertalu-talu hingga beberapa liang luka terdapat pada badannya serta bengkak di sana sini. Kemudian di dalam satu runding cara yang dijalankan si ibu sedar bahawa kejadian itu berlaku kerana berpunca dari satu pengalaman semasa ia masih kanak-kanak dahulu di mana ibunya sendiri telah memukulnya dengan teruk apabila ia tidak mengikut peraturan ibunya apabila membuang air kecil."

Kejadian di atas, menunjukkan ibu bapa yang pernah disiksa dan disifatkan tidak berguna kepada ibu bapa mereka, besar kemungkinannya akan melayan anak mereka sedemikian rupa juga.

Berdasarkan statistik yang telah dibuat oleh Gelles di dalam penyelidikannya mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai pengalaman didera dan diabaikan sewaktu mereka kanak-kanak dahulu, besar kemungkinan pula melakukannya ke atas anak mereka. Pengalaman ibu bapa sewaktu kecil tadi meninggalkan kesan psikologi iaitu dalam bentuk pemendaman perasaan atau emosi.⁵²

Ibu bapa ini seringkali mengharapkan sesuatu yang kurang realistik daripada anak-anaknya, misalnya dalam usia anak dua- tiga tahun, mereka mengharapkan anak senantiasa mengikut kata-kata atau kemahuan mereka. Jika gagal menuruti kehendaka mereka, ibu bapa ini seolah-olah kecewa. Kekecewaan mereka ini kemungkinan besar membangkitkan kesan psikofizikal dan akibatnya meletusnya perasaan marah sehingga mereka bertindak agresif terhadap anak-anaknya.⁵³

Selain daripada ibu bapa, saudara mara juga merupakan golongan yang terbesar terlibat dengan kes penganiayaan ini. Kenyataan ini dibuktikan melalui laporan dari fail SCAN HBKL 1985-1989 berdasarkan bentuk-bentuk penganiayaan itu sendiri:⁵⁴

a. Penderaan Fizikal

Kaitan penderaan dengan anak (dari fail SCAN HBKL 1985-1989):

Pendera	Bilangan	Peratus
1 Ibu Kandung	56	22.5
2 Bapa Kandung	50	20.1
3 Kedua-dua ibu-bapa kandung	35	14.1
4 Ibu Bapa tiri	28	11.2
5 Ibu Bapa angkat	7	2.8
6 Saudara mara	28	11.2
7 Adik beradik kandung	5	2
8 Pengasuh anak	19	7.6
9 lain-lain	12	4.8
10 Tidak dikenali	-9	3.6
Jumlah	249	

b. Penderaan Seksual

Pendera	Bilangan	Peratus
1 Bapa kandung	12	16.67
2 Bapa tiri/angkat	4	5.13
3 Adik beradik kandung	3	3.85
4 Saudara mara	17	21.79
5 Kekasih ibu	2	2.56
6 Jiran	9	11.54
7 Lain-lain	11	14.1
8 Penyewa /Tuan rumah	2	2.56
9 Tidak dikenali	17	21.79
Jumlah	78	

Fakta di atas menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai sejarah hidup menderita akibat penganiayaan, maka ketika dewasa, besar kemungkinan akan menjadi seorang penganiaya. Oleh sebab itu ibu bapa tersebut tidak ada pengalaman didalam soal merapatkan hubungan dengan keluarga. Kurang dari 10% daripadanya mengalami sakit jiwa atau sakit otak

akibat dari menderita tekanan perasaan dan mengalami gangguan jiwa. Begitu juga keputusan daripada SCAN 1985-1989 bahawa penganiayaan atau penderaan fizikal tinggi peratusnya iaitu 22.5% dilakukan oleh ibu kandung kanak-kanak itu sendiri berbanding dengan mereka yang lain. Manakala penderaan seksual pula, mereka yang ramai melakukannya terdiri daripada saudara mara sebanyak 21.79%, bapa kandung 16.67% iaitu mereka yang terdekat dengan kanak-kanak tersebut.⁵⁵

4.3.3 Masalah Ekonomi Dan Tekanan Hidup

Penganiayaan biasanya terdapat di kalangan keluarga yang mempunyai taraf ekonomi yang rendah. Dalam kebanyakan kes penganiayaan yang dilaporkan dan dikesan, ibu bapa mereka menghadapi masalah tekanan hidup atau hidup dalam kemiskinan. Ini berlaku kepada ibu bapa yang tinggal di bandar-bandar besar kerana mereka ini sering mengadapi masalah kewangan, hidup tanpa sokongan orang lain dan berjauhan daripada keluarga mereka yang lain. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna hanya keluarga yang bertaraf ekonomi yang rendah sahaja yang mengalaminya, malah penganiayaan terhadap kanak-kanak boleh juga berlaku di kalangan keluarga yang berada.⁵⁶

Akibat dari masalah ekonomi, terdapat ibu bapa yang sanggup memaksa anak-anak mereka bekerja sebagai buruh, misalnya bekerja di ladang-ladang atau menjadi buruh binaan, ataupun sebagai pengemis di tepi-tepi jalan. Sahabat Alam Malaysia telah menjalankan satu penyelidikan secara rawak terhadap estet-estet di Selangor, Perak, Kedah dan Prorince Wellesly mendapati 95.4% keluarga-keluarga mempunyai sekurang-kurangnya dua orang anak yang bekerja di estet samada sepenuh masa atau separuh masa.⁵⁷

Menurut Steele dan Pollock,⁵⁸ ibu bapa yang menganiayai dan mendera anak-anak mereka terdiri dari pelbagai golongan samada golongan bawahan atau golongan berpendapatan rendah, golongan pertengahan, golongan yang

berkedudukan tinggi sosioekonomi mereka, golongan profesional dan sebagainya.

Dengan ini, jelaslah bahawa masalah ekonomi merupakan salah satu punca berlakunya penganiayaan terhadap kanak-kanak. Kanak-kanak bukan sahaja dijadikan sebagai tempat melepaskan geram dan marah tetapi juga dipaksa menjadi buruh, pengemis dan kadang-kadang dijual kepada mereka yang mahukan anak dengan harga yang tinggi. Jelas kepada kita bahawa ibu bapa yang tidak bermoral dan tidak mempunyai pegangan agama yang kuat sahaja yang sanggup berbuat demikian semata-mata untuk memenuhi keperluan wang ringgit, tanpa memikirkan kepentingan anak itu sendiri. Kanak-kanak dipaksa berhenti sekolah dan tenaga mereka diperah sewenang-wenangnya. Jelaslah masalah ekonomi menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap kanak-kanak.

4.3.4 Faktor Berhubung Dengan Keluarga

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan keluarga melakukan penganiayaan terhadap anggota keluarganya:

a. Ibu Bapa Yang Masih Muda

Seorang ibu yang masih muda remaja, bila telah berkahwin sudah tentu akan memperolehi anak ketika masih muda lagi. Peringkat perkembangan anak-anak akan menjadi satu masalah kepada mereka. Sikap suka terpengaruh dan tidak bertanggungjawab akan menyebabkan keadaan akan menjadi lebih teruk. Ibu bapa yang remaja, adalah lebih mudah untuk melakukan penganiayaan dan pengabaian.⁵⁹

Keadaan ini berlaku terutamanya kepada ibu bapa yang masih muda dan tidak membuat persedian yang secukupnya untuk menghadapi tugas dan

tanggungjawab di dalam mendirikan rumah tangga dan mereka menganggap perkahwinan itu adalah untuk berseronok semata-mata.⁶⁰

b. Pasangan Yang Tidak Mahu Anak

Sebelum seseorang itu mendirikan rumah tangga, penentuan hidup berumah tangga mestilah dibincangkan terlebih dahulu. Ada pasangan yang baru berkahwin mengetahui si suami atau si isteri tidak mahukan anak terlalu awal. Di sinilah timbulnya masalah bila masing-masing mahu berkeras dengan pendirian sendiri. Misalnya si isteri enggan menggugurkan kandungan. Akibatnya si suami memukul si isteri hingga tiba ia melahirkan anak. Setelah keadaan ini terjadi, setiap kali memandang muka anak tadi, si isteri akan teringat kepada penyiksaan yang telah dilakukan oleh suaminya semasa ia mengandung dulu. Timbulah rasa benci terhadap anak itu. Si ibu akan memukul anak itu tanpa sebab yang boleh diterima oleh anak tadi. Jiwa anak itu akan menghadapi konflik dan hubungan keluarga boleh menjadi kucar kacir⁶¹

c. Ibu Bapa Tiri

Tidak dinafikan penganiayaan biasanya membabitkan ibu bapa kandung. Walau bagaimanapun ibu bapa tiri juga tidak terlepas dari melakukan hal ini. Kanak-kanak yang tinggal bersama ibu bapa tiri atau bukan keluarga sendiri akan lebih berkemungkinan menghadapi penganiayaan dan pengabaian dari ibu bapa kandung. Biasanya ibu bapa tiri kurang memberi perhatian kepada anak tiri mereka berbanding dengan anak mereka sendiri.⁶² Keadaan ini akan mewujudkan perasaan tidak puas hati antara anak tiri dengan anak kandung.

4.3.5 Faktor Persekutaran

Faktor persekitaran biasanya melibatkan keadaan tekanan jiwa terhadap keluarga itu sendiri. Keadaan tekanan jiwa ini boleh menyebabkan berubahnya masalah yang dihadapi oleh keluarga tersebut. Contohnya keluarga yang menghadapi gangguan fikiran dan mental seperti sakit jiwa, kesukaran untuk mendidik anak-anak, masalah rumah tangga dan menghadapi masalah dengan anak. Kesemua ini boleh menyebabkan berlakunya tekanan jiwa atau sakit jiwa yang teruk. Sakit jiwa adalah merupakan salah satu keadaan yang paling bahaya terhadap kanak-kanak.⁶³

Kanak-kanak yang menjadi sebahagian daripada keluarga yang mengalami sakit jiwa, berkemungkinan besar akan menghadapi penganiayaan yang tinggi. Kanak-kanak akan menjadi tempat bagi ibu bapa untuk melepaskan geramnya kepada mereka.

Perselisihan antara ibu bapa dan mertua juga boleh mempengaruhi wujudnya penganiayaan kanak-kanak.⁶⁴ Ia biasanya berlaku kepada yang berkahwin tanpa restu keluarga. Ketegangan yang berlanjutan ini akan menyebabkan tekanan jiwa kepada ibu ataupun bapa. Akibatnya anak-anak itu akan menjadi mangsa.

Terlalu banyak anak-anak kecil yang perlu ditanggung juga sebagai faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi keadaan kanak-kanak. Lebih-lebih lagi jika ibu bapa itu tidak bekerja. Oleh yang demikian itu, anak-anaklah yang menjadi mangsa untuk melepaskan geram dan tekanan yang dihadapi oleh mereka.

Masalah sosial juga menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap kanak-kanak secara lebih teruk. Wajarlah bagi setiap ibu meneliti dan mengkaji masalah ini dengan lebih mendalam untuk mendapat keluarga yang bahagia dan sejahtera.

4.3.6 Kurangnya Pengetahuan Agama

Ibu bapa yang tidak mendapat pendidikan agama yang cukup adalah lebih mudah terdedah untuk melakukan penganiayaan atau penderaan terhadap kanak-kanak. Ini adalah kerana mereka tidak memahami tujuan anak yang dilahirkan itu adalah sebagai amanah Allah s.w.t kepada mereka untuk menjaga dan memeliharanya dengan baik. Mereka ini takutkan kemiskinan akan menimpa mereka atau takut anak mereka akan memberi malu kepada mereka. Ini adalah sebagaimana yang berlaku di zaman Jahiliah dahulu, sebagaimana firman Allah s.w.t mengenai perkara ini⁶⁵

وَلَا تُقْتِلُوا أَذْلَكَ كُمَّتْ
إِنَّمَا تَخْفَى رِزْقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kerana takutkan kemiskinan.Kami akan memberi rezeki kepadamu dan kepada mereka."⁷³

Ini adalah berbeza dengan ibu bapa yang terdidik dengan didikan agama yang secukupnya, di mana mereka akan memahami akan tujuan Allah s.w.t menganugerahkan anak-anak kepada mereka untuk menjaganya dengan baik, bukan mengabaikan dan mendera kanak-kanak tersebut.

4.3.7 Penagihan Arak dan Penyalahgunaan Dadah

Penagihan arak dan penyalahgunaan dadah di kalangan ibu bapa atau penjaga mempunyai hubungan yang rapat dengan kedudukan sosioekonomi dan taraf hidup yang rendah. Kedua-dua faktor ini telah dikenalpasti sebagai faktor penyebab penganiayaan kanak-kanak.

Kesan dari penyelewengan ini, orang dewasa kerap mudah hilang sabar dan akan sanggup melakukan penganiayaan terhadap kanak-kanak. Keadaan ini akan menyebabkan orang dewasa tidak dapat mengawal diri dan hilang ingatan. Keadaan akan bertambah buruk bila mana mereka dalam keadaan mabuk atau sedang mengalami ketagihan, kanak-kanak terbabit tidak dapat memenuhi permintaan yang dikehendaki oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Kanak-kanak akan menjadi sasaran untuk melepaskan geram dan perasaan marah. Ibu bapa yang terlibat dalam konteks ini seolah-olah seperti orang yang hilang akal apabila memukul anak-anak mereka tanpa ada perasaan belas kasihan.⁶⁶

Keadaan ini ada hubung kaitnya dengan masalah kejiwaan atau gangguan psikiatri. Ibu bapa atau penjaga mengalami tekanan emosi dan gangguan fikiran yang hebat kerana tidak berupaya memikul terlalu banyak masalah yang menimpa mereka seharian. Mereka akan melepaskan geram kepada kanak-kanak semata-mata kerana kanak-kanak itu lemah dan tidak berupaya untuk melawan. Menurut Datuk Seri Dr. Mahaderan seorang ahli psikiatris, merangkap Presiden Kolej Psikosomatik Antarabangsa bagi Chapter Asia berpendapat bahawa ibu bapa adalah pendera utama terhadap anak-anak mereka. Menurut beliau, banyak faktor yang menyebabkan ibu bapa menjadi pendera. Antaranya:-⁶⁷

- i. Terlalu kecewa (depressed and understress) dan dalam keadaan tegang(tension), terutamanya apabila timbul masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan.
- ii. Tidak dapat mengawal diri dan perasaan diri terutama ketika mabuk atau ketagihan dadah, menyebabkan mereka bertindak tanpa perikemanusian dengan meyeksa anak-anak mereka.

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa penganiayaan itu berlaku dengan beberapa sebab iaitu akibat dari latar belakang ibu bapa yang teraniaya, masalah ekonomi, masalah kanak-kanak kurangnya didikan agama, penagihan dada dan arak. Penganiayaan merupakan gejala yang perlu dicegah dari awal lagi agar bilangan kanak-kanak yang dianiaya boleh dikurangkan. Untuk mengatasi masalah ini ibu bapa digalakkan mendapatkan bantuan daripada orang-orang yang berhubung rapat dengan mereka ataupun daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

4.4 Kesan-kesan Penganiayaan Terhadap Kanak-kanak

Sesungguhnya penganiayaan terhadap kanak-kanak mendorong kesan yang negatif kepada tubuh badan atau fizikal dan mental mangsa berkenaan. Seringkali kesan tersebut berkekalan sehingga dewasa.

4.4.1 Kesan Dari Segi Perkembangan Kanak-kanak

Secara keseluruhannya pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak dapat dibahagikan kepada empat zaman yang besar iaitu: dua daripadanya menunjukkan kepada pertumbuhan dan perkembangan yang pesat. Daripada masa dilahirkan dan sehingga usia dua tahun terdapat pertumbuhan yang cepat, diikuti oleh zaman pertumbuhan yang lambat hingga ke peringkat sebelum baligh, yang bermula biasanya antara 8 hingga 11 tahun. Dari masa permulaan baligh terdapat pertumbuhan dan perkembangan yang melonjak. Peringkat ini berakhir dengan pencapaian baligh yang mutlak iaitu masa kanak-kanak berumur antara 15 atau 16 tahun. Selepas itu perkembangan akan mendatar hingga ke peringkat dewasa.⁶⁸

Adalah amat penting bagi ibu bapa memerhatikan dan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada kanak-kanak pada peringkat pertumbuhan jasmani yang pesat. Pengabaian dari ibu bapa terutamanya dalam soal kasih sayang dan makanan yang baik akan melambatkan perkembangan mereka. Pengabaian kasih sayang pada peringkat ini memberikan kesan yang menyebabkan hubungan antara kanak-kanak dan ibu bapa menjadi renggang, ini boleh menyebabkan kanak-kanak hilang rasa hormat kepada ibu bapa.

Kanak-kanak yang sedang berkembang memerlukan pemakanan yang seimbang dan juga udara yang bersih. Kekurangan pemakanan yang berzat dan seimbang terutama zat protein akan membantu perkembangan sel, otak, urat saraf dan juga bahagian badan yang lain. Oleh itu adalah wajar bagi ibu bapa bertanggungjawab memberikan makanan yang secukupnya dan berpatutan. Makanan yang sesuai adalah amat penting untuk perkembangan badan dan otak. Pengabaian dalam hal ini akan menyebabkan kanak-kanak juga bersikap tidak peduli, murung, mudah marah tidak boleh diharap dan berdarah gemuruh. Keadaan ini sudah tentulah akan menyebabkan berlakunya masalah emosi dan kemasyarakatan bagi kanak-kanak.⁶⁹

Oleh itu adalah jelas di sini betapa perlunya perhatian yang sewajarnya dari ibu bapa agar pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak berjalan lancar dan seimbang. Sebarang penganiayaan dan pengabaian akan membantu perkembangan kanak-kanak. Kanak-kanak yang sihat dan cergas lahir dari keluarga yang mementingkan hubungan kekeluargaan yang erat di samping mendapat makanan yang berzat.

4.4.2 Kesan Dari Segi Pergaulan Kanak-kanak

Kanak-kanak mengalami pertumbuhan dan perkembangan yang pesat ia terpaksa sentiasa membuat penyesuaian. Oleh kerana mereka terpaksa menghadapi tugas menyesuaikan diri, akibat daripada perubahan ini, maka ia akan mendatangkan gangguan kepada diri dan perasaannya.⁷⁰

Kanak-kanak yang sering diejek-ejek dengan panggilan yang tidak baik dan tidak sedap didengar biasanya akan merasa rendah diri dan terhina, dan kanak-kanak ini tidak mahu berkawan dengan rakan yang sebaya dengannya. Keadaan kelainan dari kanak-kanak yang lain itu akan menimbulkan perasaan kurang dihargai atau rendah diri, ini akan memberi kesan negatif kepada syaksiah kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak yang berpenyakit dan lembab juga akibat dari kurang mendapat perhatian yang sewajarnya selalu bersikap pemalu, tidak banyak cakap atau bergaul dan mudah marah. Mereka selalu memencarkan diri dari gerak kerja yang dilakukan oleh kanak-kanak lain. Ini sudah tentu merupakan perkembangan yang tidak sihat dan kanak-kanak ini sentiasa akan bergantung kepada ibu bapa tanpa mahu berusaha sendiri.⁷¹

Kanak-kanak yang biasa menjadi mangsa penganiayaan seks pula akan merasa putus asa dan sentiasa merasa takut untuk berhadapan dengan masyarakat ramai. Perasaan malu ini akan sentiasa mengganggu dan menghantui fikiran mangsa ini sepanjang hidup mereka.⁷² Mereka biasanya tidak mahu bergaul dengan masyarakat dan dengan kanak-kanak lain dan mereka menjadi pendiam dan tidak aktif. Mereka yang menjadi mangsa penganiayaan seks biasanya takut untuk memberitakan apa yang telah terjadi kerana malu dan takutkan sesuatu akan terjadi jika jika mereka memberitahu perkara itu.⁷³ Oleh itu amat penting bagi ibu bapa dan masyarakat memberikan dorongan dan sokongan moral agar mereka ini tidak bersikap negatif dan pasif, bahkan lebih perlu agar mereka dapat bergaul dan membesar dengan sebaik-baiknya walaupun telah mengalami peristiwa hitam dalam hidupnya.

Sebagai kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah perlunya dielakkan agar penganiayaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak untuk melahirkan kanak-kanak yang sihat dan cergas. Keadaan ini perlu untuk kanak-kanak itu supaya mereka dapat bergaul dengan sebaik-baiknya bersama-sama dengan masyarakat agar mereka tidak dikatakan sebagai "kera sumbang". Ini adalah

perlu untuk menjadikan kanak-kanak itu sebagai salah satu anggota masyarakat yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

4.4.3 Kesan Terhadap Fizikal

Seseorang kanak-kanak yang dianiaya atau didera secara penganiayaan fizikal meninggalkan kesan yang ketara, contohnya tanda-tanda luka berdarah, bengkak, berbilur atau lebam. Disimbah cecair panas atau dicucuh besi/benda panas yang boleh meninggalkan kesan melecur, melepuh atau menggelupas. Diikat, dirantai atau dikurung terlalu lama menyebabkan kanak-kanak berkelakuan samada liar atau garang atau pendiam atau penakut.⁷⁴

Tanda-tanda lain akibat dari penganiayaan fizikal seperti kerencatan pembesaran, kesan dan tanda patah, luka dan parut dari putung rokok, kecederaan pada kemaluan, pendarahan dalam kepala, pendarahan organ seperti hati, limpa, dan retak tempurung kepala. Kesan fizikal ini memberikan implikasi dalam jangka panjang pada situasi fizikal dan jiwa kanak-kanak berkenaan. Kesemua kesan-kesan ini sekalipun pulih, namun parutnya terpandang juga.⁷⁵

Penyiksaan yang berterusan juga boleh menyebabkan kematian. Keadaan ini berpunca dari kecederaan serius yang dialami oleh kanak-kanak seperti pecah usus yang menyebabkan peritonitis, pendarahan dalam otak, pendarahan di dalam tubuh yang dipanggil massive intracranial haemorrhage."

Siatan Pasukan Pencegah Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak (SCAN) HBKL, UKM, misalnya mengenalpasti lebih 766 kanak-kanak berusia antara 1 dan 15 tahun mengalami penderaan dari tahun 1985 dan 1991. Ketuanya, Profesor Dr. Sham Kassim, berkata 50 daripada kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital kerana disyaki mengalami pendarahan terutama di bahagian otak. Walau bagaimanapun, 17 daripada kanak-kanak itu tidak dikesan kerana kebanyakannya mereka tidak mengalami keretakan atau parah di

bahagian anggota tetapi pendarahan di otak. Kajian SCAN mendapati kebanyakan kanak-kanak yang mengalami pendarahan di otak ini berpunca daripada tindakan menggoncang, melambung dan menyentak kanak-kanak juga adalah perbuatan yang membahaya kerana ia boleh menyebabkan saluran darah dalam otak terkoyak atau pecah.⁷⁶

Di kalangan kanak-kanak yang sering dianiaya secara seksual; kesan jangka panjang boleh berlaku dalam bentuk adanya gangguan perkembangan psikoseksual dan penyesuaian diri dalam masyarakat, tingkah laku lari dari rumah, keresahan, kemurungan dan tingkah laku cuba membunuh diri.

Kesan jangka panjang penganiayaan fizikal seterusnya adalah melahirkan seorang individu yang akan menganiayaai anak-anak mereka sendiri apabila mereka menjadi ibu atau bapa kelak. Ini boleh diumpamakan seperti sindrom "Dracula".

Jelasnya penganiayaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak akan menyebabkan beberapa kesan yang tidak baik kepada mereka. Tidak kira ia hanya memberi kesan kepada perkembangan dan pertumbuhan, pergaulan, fizikal dan mental yang akan membawa kepada kehancuran di dalam kehidupan kanak-kanak itu di masa akan datang. Oleh itu, adalah wajar ibu bapa dan penjaga memberi perhatian yang lebih terhadap perkembangan kanak-kanak baik dari segi emosi atau sebaliknya, supaya mereka dapat menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

4.4.4 Kesan Dari Segi Mental

Penganiayaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak baik dari segi fizikal, mental, kasih sayang dan sebagainya membawa kesan yang buruk dari segi mental. Ini adalah kerana setiap penganiayaan dan pengabaian yang dilakukan oleh ibu bapa, pada kebiasaannya adalah mudah diingati dan mereka juga menyimpan rasa dendam sehingga mereka dewasa. Untuk

mengubati atau untuk menghilangkan rasa dendam dan marah, mereka akan melepaskannya kepada anak-anak mereka pula. Oleh yang demikian perlulah bagi ibu bapa mendidik anak dengan didikan yang baik agar mereka tidak menyimpan rasa dendam dan marah.

Penganiayaan mental terhadap kanak-kanak boleh menyebabkan mereka merasa rendah diri. Mereka akan merasa tidak layak untuk bergaul dengan kanak-kanak lain yang sebaya dengan mereka. Biasanya mereka ini terdiri dari kanak-kanak yang pendiam. Perasaan benci pada ibu bapa akibat digelar dengan perkataan yang menyakitkan hati sudah tentulah akan menggugat kehidupan mereka di masa hadapan.

Bagi kanak-kanak yang dirogol atau mendapat penganiayaan seks, mereka akan sentiasa mengingati apa yang telah berlaku kepadanya. Dia akan merasa tersisih dan hina di kalangan masyarakat. Perasaan inilah yang biasanya akan mendorong mereka untuk membunuh anak dalam kandungan.⁷⁷

Begitu juga dengan anak angkat dan anak yatim, jika mereka dihina dan dibenci serta dicaci akan memberi kesan juga kepada mental mereka. Mereka akan merasa rendah diri dan tersisih kerana menganggapkan mereka bukanlah dari keluarga yang sebenar. Anak angkat yang selalu dihina dan dicaci akan menganggap mereka diambil kerana tidak berguna kepada ibu bapa yang asal. Dengan sebab itulah mereka tidak dapat bergaul dengan baik dengan ibu bapa angkat.⁷⁸ Dengan ini akan hilanglah rasa hormat mereka kepada ibu bapa angkat.

Penganiayaan terhadap kanak-kanak akan menyebabkan kesan mental yang teruk kepada mereka. Kanak-kanak tidak akan dapat berkembang dengan sewajarnya. Perasaan dendam, rasa benci, rasa rendah diri yang teruk, lembab, pendiam, bersikap pasif dan sebagainya yang mana perasaan ini semuanya akan membantutkan pergaulan dan perkembangan kanak-kanak.

4.5 Undang-Undang Berkaitan Dengan Perlindungan Terhadap Kanak-kanak.

Sebelum ini, telah pun dihuraikan bentuk-bentuk perlindungan terhadap kanak-kanak dalam Undang-undang Islam dan pelaksanaannya menurut Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Selain daripada itu terdapat juga pelbagai undang-undang yang diperuntukan bagi melindungi kanak-kanak. Kewujudan undang-undang ini telah memberi pengiktirafan dan kedudukan yang sewajarnya kepada kanak-kanak bahkan undang-undang ini juga mampu dijadikan sebagai satu cara ke arah melindungi diri kanak-kanak dari sebarang bentuk penganiayaan dan perlakuan yang tidak berperikemanusiaan.

Hakikatnya kesedaran untuk memberi hak kepada kanak-kanak telah pun dilakukan oleh masyarakat antarabangsa melalui "Perisytiharan 10 Perkara Mengenai Hak Kanak-kanak" yang diumumkan di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1959 dengan laungan slogan yang berbunyi "manusia sewajarnya memberi kanak-kanak yang paling baik. "Piagam tersebut mengisyiharkan supaya kanak-kanak diberikan hak-hak seperti berikut:⁷⁹

- i. Pemakanan yang mencukupi atau rawatan perubatan yang sempurna.
- ii. Pendidikan asas sebagai hak yang penting dalam kehidupan mereka
- iii. Taraf hidup yang sempurna
- iv. Perlindungan daripada penyiksaan, pengeksplotasian dan penganiayaan.

Berbagai-bagai langkah yang dilakukan untuk perjuangan terhadap hak kanak-kanak terus dilakukan. Antaranya:

- i. Perisytiharan Tahun Antarabangsa Kanak-kanak 1979.
- ii. UNICEF memilih "children's Rights International Protection" sebagai tema Hari Kanak-kanak Sedunia 1989.

Secara keseluruhannya, perisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1989 yang bertemakan "Children's Rights International Protection" telah memberi pembelaan yang lebih luas kepada nasib kanak-kanak dan menjadi garis panduan yang diterima oleh manusia sejagat untuk memelihara kepentingan kanak-kanak sedunia.

Melalui perisytiharan ini, PBB telah memberikan perlindungan dan pembelaan yang sewajarnya kepada kanak-kanak yang meliputi:⁸⁰

- i. Persefahaman dan kasih sayang
- ii. Perkembangan di dalam suasana keamanan dan persaudaraan sejagat
- iii. Pembesaran dan perkembangan fizikal, mental dan moral
- iv. Punya nama dan kewarganegaraan
- v. Perlindungan daripada sebarang pengabaian, kekejaman dan eksplorasi
- vi. Pendidikan asas yang sempurna dan percuma
- vii. Pemakanan yang seimbang, perumahan, rawatan dan rekreasi
- viii. Penerimaan rawatan khas bagi yang cacat dan bantuan khas bagi yang kurang bernasib baik
- ix. Keutamaan pertolongan semasa kecemasan dan malapetaka
- x. Peluang untuk menikmati hak-hak ini tanpa mengira jantina, fahaman politik dan keturunan.

Atas dasar statut-statut mengenai Perlindungan Kanak-kanak inilah, Kerajaan Malaysia juga telah melaksanakan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) yang diwartakan pada 12 September 1991, yang bertujuan untuk mewujudkan benteng kepada kanak-kanak bagi menyekat orang dewasa, samada ibu bapa, saudara mara atau sesiapa sahaja yang bertindak sesuka hati terhadap kanak-kanak tanpa mengira alasan. Di samping itu terdapat pelbagai akta lain dengan asas dan tujuan yang sama untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak berdasarkan skop dan bidang kuasa masing-masing. Antaranya ialah:

- i. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947, Rev. 1980
- ii. Kanun Kesiksaan (F.M.S..cap.45)
- iii. Akta Pengangkatan 1952
- iv. Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961(Akta 351)
- v. Akta Mahkamah Juvana 1947
- vi. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1987 (Akta A664)
- vii. Akta kanak-kanak dan Orang Muda Pekerjaan. 1966 (Akta 40/66)

Akta-akta ini memberi perlindungan kepada kanak-kanak daripada sebarang bentuk penganiayaan dan eksploitasi dengan menyediakan tempat-tempat keselamatan. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 mentakrifkan tempat-tempat keselamatan sebagai rumah anak-anak yatim, rumah kebajikan untuk kanak-kanak, hospital dan mana-mana institusi-institusi yang telah dipersetujui oleh menteri sebagai tempat-tempat keselamatan. Antara tempat-tempat keselamatan yang diwartakan oleh Kerajaan ialah :⁸¹

1. Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Cheras, Kuala Lumpur
2. Rumah Budak Lelaki Tan Sri Abdul Hamid Khan, Serendah Selangor.
3. Rumah Kanak-Kanak Tunku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang.
4. Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz, Kuala Kangsar, Perak.
5. Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Tempat-tempat keselamatan juga termasuk mana-mana tempat yang bersesuaian yang boleh dijadikan sebagai tempat perlindungan sementara bagi kanak-kanak yang teraniaya ini.

Akta Mahkamah Juvana 1947, memberi kuasa kepada Mahkamah Juvana untuk mengeluarkan sebarang arahan mengenai pesalah Juvana. Arahan ini adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan kanak-kanak sekiranya didapati mereka tergolong dalam golongan yang memerlukan perlindungan. Bahagian VII, Akta ini dibawah tajuk 'care and protection' mentafsirkan kanak-kanak dan orang muda yang memerlukan perlindungan dan penjagaan

berdasarkan kepada akta ini ialah mana-mana kanak-kanak dan orang muda yang telah didedahkan kepada bahaya moral atau telah menyertai kegiatan salah atau mereka telah dikenakan dengan mana-mana kesalahan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian XVI Kanun Kesiksaan. Jika keadaan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian VII (Seksyen 35) ini berlaku , seksyen seterusnya dapat menyelesaikan iaitu Seksyen 36 yang memperuntukan prosedur dan tindakan yang boleh diambil oleh Mahkamah Juvana untuk memberi perlindungan kepada kanak- kanak dan orang muda yang memerlukan perlindungan.⁸²

Secara keseluruhannya , matlamat utama Akta Mahkamah Juvana adalah bertujuan untuk memberi pemulihan kepada juvana yang mengalami pelbagai gangguan dalam proses kedewasaan mereka dan bukan berhasrat untuk menghukum juvana.

Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 40/66)⁸³ adalah digubal khusus untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak dan orang muda berkenaan dengan pekerjaan. Ia bertujuan untuk mengawal pekerjaan kanak-kanak dan orang muda serta melindungi hak-hak mereka dalam pekerjaan.

Akta ini membataskan bentuk-bentuk pekerjaan yang boleh dimasuki oleh kanak-kanak dengan sah . Ketetapan ini dinyatakan dalam beberapa seksyen kecil seperti seksyen kecil (2) (a), (b), (c) dan (d), iaitu kerja-kerja yang berkaitan dengan perusahaan keluaga,hiburan awam mengikut had yang diberi, pekerjaan yang diluluskan yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau institusi lain atau kerja sebagai perantis di bawah kontrak perantisan bertulis.

Mana-mana pihak yang melanggar akta ini boleh dihadapkan ke mahkamah, begitu juga ibu bapa. Mengikut seksyen 14 Akta kanak-kanak Dan Orang Muda Dan Pekerjaan 1966 , jika ibu bapa atau penjaga tahu atau

merestui majikan melanggar akta ini, mereka boleh dipenjara tidak lebih dari enam bulan dan denda tidak lebih dari RM3,000 atau kedua-duanya sekali.

Menyedari masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama lain-lain agensi telah menggubal satu undang-undang yang diberi nama Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Akta ini yang diluluskan oleh kerajaan dan diwartakan pada 12 September 1991, adalah satu akta yang lebih komprehensif yang antara lainnya ialah memperuntukan pengertian "*kanak-kanak yang memerlukan perlindungan*" dengan lebih jelas dan luas.

Akta ini juga memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik pelindung,⁸⁴ pendaftar,⁸⁵ serta menubuhkan Majlis Penyelaras⁸⁶ bagi Perlindungan Kanak-kanak yang bertanggungjawab menasihat dan merancang sistem pengurusan dan perkhidmatan bagi memenuhi kumpulan sasarannya.

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat. Akta ini mempunyai peruntukan untuk menyampaikan program pendidikan⁸⁷ bagi mencegah penganiayaan kanak-kanak serta melibatkan ahli masyarakat dalam memberi perkhidmatan pada peringkat tempatan kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Bagi menyelesaikan masalah ini semua pihak yang terlibat perlulah mengambil inisiatif dan daya usaha bagi membendung penganiayaan dari terus berlaku. Kefahaman dan kesedaran perlulah ditanam dan disemai dalam setiap individu anggota masyarakat. Usaha memupuk kesedaran dan tanggungjawab mendidik dan mengasuh anggota masyarakat haruslah bermula di peringkat persekolahan lagi. Ianya hendaklah dijadikan sebagai satu proses yang berterusan kerana pada peringkat persekolahan ini kanak-kanak mudah menerima segala maklumat yang disampaikan kepada mereka. Tanggungjawab ini tidak seharusnya dimainkan oleh satu pihak sahaja, sebaliknya semua pihak

yang sedar haruslah bersama-sama memastikan masalah ini agar tidak berterusan dan berleluasa.

Undang-undang yang tegas adalah merupakan salah satu mekanisma yang berkemampuan untuk membentras penganiayaan kanak. Dengan pelaksanaan undang-undang yang lebih ketat, matlamat untuk mewujudkan masyarakat harmoni atau masyarakat penyayang (caring society) akan tercapai.

NOTA HUJUNG

1. Surah al-'An^{Cām}, 6:151.
2. Syeikh Othman bin Syeikh Salim, Ketua Editor (1991), *Kamus Dewan*, (Edisi Baru), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 48.
3. Penganiayaan juga disebut dengan child abuse atau neglect, maltreatment dan battered. Perkataan battered mula digunakan dalam satu seminar yang ditaja oleh American Academy of Paediatrics dalam tahun 1961 - lihat:- Dr. T. H. Woon, *Social Problem Related To Child Development Child Abuse* dalam Seminar On Health, Food And Nutrition, (15-20 Sept., 1979), h. 3.
4. *Ibid.*
5. *Ibid.*
6. Richard J. Gelles, "Violence In The Family: A Review Of Research In The Seventies", *Journal Of Marriage And The Family*, Vol. 42, (1980), h. 145
7. Akta Kanak-kanak Dan Orang Muda 1947 (pindaan sehingga 1987). Seksyen 2 (1)(b).
8. Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (468) seksyen 26 (a).
9. *Ibid.*, Seksyen 27 dan 28.
10. Mohd. Sham Kassim (Dr.), "Child Abuse And Problems Counselling In Malaysia", (Kertas Kerja) dibentang dalam Seminar Role Of Counsellors In The Prevention Of Child Abuse And Neglect, 22-23 Disember 1990, Kuala Lumpur: Hotel Federal, h. 4.
11. Norhasimah Ibrahim, "Penganiayaan Kanak-kanak Gejala Buruk Masa Kini", *Majalah Keluarga*, (Mac 1988), h. 20.

12. Khadijah Shamsudin (Dr.), "Penganiayaan Kanak-kanak Perlu Perhatian", *Dewan Masyarakat*, (Sept., 1985), h. 56.
13. Serangan amnya dilakukan apabila ada kecemasan yang munasabah oleh pihak mangsa, kekerasan fizikal akan dilakukan terhadapnya. Lihat Seksyen 3 (1), Akta Kanak-kanak Dan Orang Muda 1947. Serangan mungkin akan menyebabkan kanak-kanak itu menanggung penderitaan atau kecederaan kepada kesihatannya yang keterlaluan - lihat Badariah Sahamid, "Kezaliman Terhadap Isteri Dan Anak-anak", *Seminar Wanita Dan Undang-undang*, (24-26 Ogos, 1981), h. 7. Anjuran Fakulti Undang-undang Universiti Malaya.
14. Memperlakukan dengan kejam meliputi kekerasan secara fizikal serta perbuatan menganiayakan. *Ibid.*, h. 6-7.
15. Maksud mengabaikan mengikut Seksyen 3 (1), Akta Kanak Dan Orang Muda 1947 iaitu: seseorang itu disifatkan telah mengabaikan seorang kanak-kanak jika ia dengan sengaja mengabaikan untuk menyiapkan makanan yang cukup atau pakaian atau rawatan perubatan atau tempat tinggal untuk kanak-kanak.
16. Meninggalkan dan membayangkan perbuatan mendedahkan walaupun mendedahkan itu tidak semestinya membawa maksud meninggalkan. Oleh itu, apabila anak itu telah dibuang, perbuatan mendedahkan hanya bermakna pendedahan kepada suatu bahaya. *op. cit.*, h. 8.
17. Kasmini Kassim (Dr.), *Memahami Jiwa Kanak-kanak*, Edisi Baru, Kuala Lumpur: Syarikat S. Abdul Majeed, 1992, h. 124.
18. David R. Walters, *Physical And Sexual Abuse Of Children (Cause And Treatment)*, Bloomington and London: Indiana University Press, 1975, h. 27.
19. Mohd. Sham Kassim (Dr.), "Child Abuse And Problems Counselling In Malaysia", (Kertas Kerja) dibentang dalam Seminar *Role Of Counsellors In The Prevention Of Child Abuse And Neglect*, 22-23 Disember 1990, Kuala Lumpur: Hotel Federal, h. 4.

20. Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468), Seksyen Kecil 3 (a).
21. Irring Sloan, *Protection Of Abuse Victims: States Laws And Decisions*, London: Oceana Publications Inc., 1982, h. 2-3.
22. Kasmini Kassim (Dr.), *Psikiatri Kanak-kanak*, cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 133.
23. *Ibid.*, h. 134.
24. Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468), Seksyen Kecil 3 (b).
25. Temuramah dengan Profesor Madya Sham Kassim, Jabatan Komunikasi Perubatan, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, 16th Annual General Meeting Seminar, Workshop And Exhibition On Child Abuse-New Perspectives pada 9-10 Sept., 1993.
26. Norizan Muslim, "Sayangilah Anak-anak (Perbualan dengan Dr. Siti Hasmah)", *Dewan Masyarakat*, (Disember, 1986), h. 39.
27. Ruth S. Kempe and C. Henry Kempe, *Child Abuse*, Massachusetts: Harvard University Press Cambridge, 1978, h. 13.
28. Faller, Bowden, Jones and Hildebrandt, *Types Of Child Abuse And Neglect*, h. 25.
29. Kasmini Kassim (Dr.), "Penganiayaan Seks" dalam buku *Prosiding 16th Annual General Meeting, Seminar, Workshop And Exhibition On Child Abuse-New Perspectives*, pada 9-10 Oktober, 1992.
30. Penganiayaan seks kadang-kadang diertikan sebagai: Penganiayaan seksual ke atas kanak-kanak merupakan satu jenayah. Ia berlaku apabila seseorang yang dewasa atau seorang yang lebih tua daripada seorang kanak-kanak menggunakan kuasanya seorang kanak-kanak

tersebut atau mengambil kesempatan di atas kepercayaan seorang kanak-kanak untuk melibatkan kanak-kanak tersebut dalam kegiatan seksual. Lihat: Pamflet; "Penderaan Seksual Ke Atas Kanak-kanak", (K.L.: UKM, t.t.).

- a. Sexual misuse atau sexual assault- digunakan bila seorang pelaku tidak mempunyai hubungan darah dengan mangsa. Pelaku itu mungkin terdiri dari orang asing, orang yang dikenali oleh kanak-kanak tetapi tidak secara mendalam, kawan bagi keluarga atau orang yang tinggal sebumbung tetapi tidak mempunyai hubungan kekeluargaan. Lihat: Kathleen Coulborn Faller, "Sexual Abuse" dalam *Social Work With Abused And Neglected Children*, London: Mc Milan Publishers, 1981, h. 145.
 - b. Incest- iaitu penganiayaan seks yang dilakukan oleh ibubapa, adik beradik atau saudara yang terdekat. Dengan kata lain, penganiayaan oleh mereka yang ada hubungan darah. Lihat: Eli H. Newbeger, "Pediatric Under Standing Of Child Abuse And Neglect", *Child Abuse*, Boston: Little, Brown and Company, 1982, h. 150.
31. Ismail Awang, "Penganiayaan Kanak-kanak - Isu Yang Menuntut Kepada Masyarakat Penyayang", *Dewan Budaya*, Julai 1991, h. 48.
32. Faller, op. cit., h. 144.
33. Marshall D. Schechter and Leo Rolenge, "Sexual Exploitation In Child Abuse And Neglect", dalam *The Family And The Community*, edt.: Ray E. Helfer and C. Henry Kempe, Massachusetts: Cambridge, Ballinger Publishing Company, 1976, h. 131.
34. Kasmini Kassim, Psikatri Kanak-kanak, op. cit., h. 130-131.
35. Tanpa Pengarang, "Masyarakat Perlu Peka Soal Kanak-kanak Terbiar", *Jelita*, April 1991, h. 122.
36. A. Meriam Webster, *Webster Third New International Dictionary*, William Benton, 1966, h. 102.

37. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1184.
38. Surah al-Tūr, 52:21.
39. Surah al-Baqarah, 2:233.
40. "Child Labour In The Malaysian Plantation", *Suara SAM (Sahabat Alam Malaysia)*, Vol. 5, No. 1, 1988, h. 2.
41. Encik Mohd. Isa Abdul Wahab, (Penolong Pesuruhjaya Polis), *Simposium Penganiayaan Kanak-kanak Dan Penyelesaiannya*, 11 Jun 1988, h. 15.
42. "Child Labour In The Malaysian Plantation", *op.cit.*, h. 2.
43. Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Masyarakat 1984/85.
44. *Ibid.*
45. Kasmini Kassim (Dr.), "Kanak-kanak Dekad 90an Dan Cabaran Semasa" dalam *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, Vol. 6, no. 1, Kuala Lumpur: Kementerian Kebajikan Masyarakat, Disember 1987, h. 19.
46. Syeikh Muhammad Taqiyy Falsifi, *Al-Tifl Bainā al-Warathan Wa al-Tarbiyah*, Al-Qism Āwwal, cet. 2, Matbā'ah al-Adab FI al-Najfi al-Asyrāb, 1969, h. 269-270.
47. Kasmini Kassim (Dr.), "Kanak-kanak Dekad 90an Dan Cabaran Semasa", *op. cit.*, h. 20.
48. Maizam Abdullah Sani, "Pukul Untuk Disiplin Di Mana Sempadannya", *Majalah Jelita*, April 1995, h. 23.
49. Siti Hatija Yusof, "Benarkah Anak-anak Kini Bawa Masalah", *Utusan Malaysia*, 4 Nov., 1992.

50. Kathleen Coulborn Faller and Marjorie Ziefert, "Cause Of Child Abuse And Neglect" dalam *Social Work With Abused And Neglected Children*, edt.: Kathleen Coulborn Faller, London: Mc Milan Publishers 1981, h. 38.
51. A. Bakar bin Wahid, "Penzaliman Terhadap Isteri dan Anak-anak" dalam *Seminar Wanita dan Undang-undang*. Anjuran Persatuan Wanita UM pada 24-26 Ogos 1981.
52. Gelles, Violence In The Family: A Review Of Research In The Seventies, *op. cit.*, h. 148.
53. *Ibid.*
54. Kenyataan akhbar Mohd. Kodrie Omar, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan, *Berita Harian*, 22 April 1992.
55. Ruth P. Arent, *Stress And Your Child (A Parents Guide To Symptoms, Strategis And Benefits)*, New Jersey: Englewood Cliff, 1984, h. 20.
56. Maizam Abdullah, "Kenapa Ibubapa Gamak Dera Anak?", *Majalah Jelita*, April 1988, h. 20.
57. "Child Labour In The Malaysian Plantation", *Suara SAM (Sahabat Alam Malaysia)*, Vol. 5, no. 1, 1988, h. 3.
58. Brandt Steele and Carl B. Pollock, *A Psycathiatric Study Of Parents Who Abuse Infants And Small Children*, University Of Chicago, 1974, h. 93.
59. Faller, Causes Of Child Abuse, *op. cit.*, h. 42.
60. Penganiayaan Terhadap Kanak-kanak: Jangan Terjadi Di Rumah Anda", *Majalah Ummi*, Disember 1988, h. 14.
61. Maizam Abdullah Sani, "Pukul Untuk Disiplin Di Mana Sempadannya?", *op. cit.*, h. 22.

62. _____, "Kenapa Ibubapa Gamak Dera Anak", *op. cit.*, h. 20.
63. Faller, Causes Of Child Abuse, *op. cit.*, h. 41.
64. *Ibid.*, h. 36.
65. Surah al-An'ām, 6:151.
66. *Jurnal Parlimen Malaysia*, Jilid 1, Bil. 5, Oktober 1990, h. 43.
67. "Tekanan Mental Akibat Dera", *Berita Harian*, 8 Mac, 1991.
68. Atan Long, *Psikologi Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, h. 195.
69. *Ibid.*, h. 205.
70. *Ibid.*, h. 206.
71. *Ibid.*, h. 208.
72. Ahmad Zafrin, "Rogol Menjadi-jadi", *Dewan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, November 1987, h. 16.
73. Faller, Bowden, Jones and Hildebramdt, "Types Of Child Abuse and Neglect", *op. cit.*, h. 23.
74. Norhayati Hashim, Mohd . Sham Kassim (Dr.), "Hurai Dari Sudut Ekonomi, Punca-punca Ibubapa Jadi Pendera", *Mustika*, Mac 1990, h. 9.
75. D. Sinniah (Prof. Dr.), "The Scar In Also Psychological", *New Strait Times*, 16 November 1992, h. 8.

76. Johane Varghese & D. Sinniah, Jabatan Pediatrik, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. *Prosiding Seminar Penderaan Kanak-kanak (Child Abuse - New Perspective)*, 9-10 Oktober 1992. Bertempat di Fakulti Perubatan, UMKL, h. 12.
77. Ahmad Zafrin, "Rogol Menjadi-jadi", *op. cit.*, h. 16.
78. S. Schwan and Tuskan, *The Adopted Child*, h. 342-343.
79. Hasan Baseri Budiman, "Penganiayaan Kanak-kanak: Mengapa menjadi-jadi", *Dewan Masyarakat*, Februari 1991, h. 45.
80. *Ibid.*
81. Akta Kanak-kanak Dan Orang Muda 1947, Seksyen 30.
82. Seksyen 35, Akta Mahkamah Juvana (AMJ 90/47).
83. Seksyen 14, Akta Kanak-kanak Dan Orang Muda (Akta 40/66).
84. Seksyen 3, Akta Perlindungan Kanak-kanak, 1991, (Akta 468).
85. *Ibid.*, Seksyen 3.
86. *Ibid.*, Seksyen 4.
87. *Ibid.*, Seksyen 29 (1)(a).